

Zuraida tak gentar disaman Shahrizat RM100j
MalaysiaKini.com
January 20,2012
Lee Way Loon

Tidak gentar dengan saman fitnah RM100 juta oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, PKR ikrar untuk mendedahkan lebih banyak skandal berkaitan dengan kontroversi projek Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFC).

Ketua Wanita PKR, Wanita Zuraida Kamaruddin berkata saman fitnah tersebut tidak akan menghalangnya dan pengarah strategi parti itu, Mohd Rafizi Ramli daripada mendedahkan lebih banyak lagi skandal mengenai projek tersebut.

Beliau "mengalu-alukan" Shahrizat untuk membawa kes tersebut ke mahkamah kerana ia akan memberi ruang yang lebih besar kepada rakyat untuk menghakimi skandal tersebut.

"Saya percaya ramai rakyat Malaysia akan tampil dan bekerjasama dengan kami untuk membawa lebih banyak bukti dan menjadi saksi dalam kes tersebut," katanya.

Selepas berita (saman) tersebut tersebar, tambahnya, ramai yang menawarkan diri untuk memberi lebih banyak maklumat yang merupakan maklumat baru pada pihaknya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/187265>